

# **AGENDA 7**

**MELULUSKAN SKOP DAN HAD  
PELABURAN SERTA MENENTUKAN  
HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN  
BAGI SESI 2026/2027**

*Mesyyuarat*  
**AGUNG**  
PERWAKILAN TAHUNAN  
KE  
**45**

## AGENDA 7

### MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN SERTA MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN BAGI SESI 2026/2027

#### TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan berkaitan cadangan skop dan had pelaburan serta had maksimum keterhutangan bagi sesi 2026/2027.

#### LATAR BELAKANG

2. Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 5.4% bagi suku pertama 2026. Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan mengunjurkan pertumbuhan antara 4.0% hingga 5.0% untuk keseluruhan tahun 2026 yang didorong oleh penggunaan domestik yang berdaya tahan dan perkhidmatan walaupun berhadapan dengan risiko ketidaktentuan geopolitik dan ekonomi global yang mencabar.

3. Cadangan skop dan had pelaburan bagi sesi 2026/2027 adalah seperti berikut:

Bil.	Skop	Jumlah (RM'000)
1.	<p><b>Pelaburan Korporat</b></p> <p>(a) Penglibatan dalam aktiviti ekonomi/perniagaan anjuran FELDA serta pemilikan ekuiti signifikan dalam Syarikat Kumpulan FELDA/FGV dan syarikat-syarikat berkepentingan nasional.</p> <p>(b) Pemilikan ekuiti syarikat luar yang terlibat dalam sektor/industri yang berprestasi dan mampan untuk tempoh jangka sederhana/jangka panjang melalui usaha sama, pra-terbitan awam, dan modal teroka.</p> <p>(c) Memperkasa aktiviti perniagaan syarikat kumpulan dengan menambah baik aktiviti semasa dan meneroka aktiviti baharu melalui penyediaan suntikan modal, pembiayaan projek dan modal pusingan.</p> <p>(d) Kerjasama strategik dalam gerakan koperasi dalam aktiviti ekonomi termasuk tambahan pemilikan modal syer dalam BRKM/CBP dan federasi/koperasi lain.</p>	150,000
2.	<p><b>Perladangan</b></p> <p>(a) Fokus kepada peningkatan hasil/produktiviti Buah Tandan Segar (BTS), kualiti pokok, dan kecekapan kerja di ladang/kilang sawit di samping pembangunan kawasan baharu serta integrasi tanaman lain secara berfasa.</p> <p>(b) Memperluaskan aktiviti belian BTS dan operasi Pusat Mengumpul Sawit (PMS) di rancangan-rancangan FELDA terlibat melalui usaha sama dengan koperasi/pertubuhan peneroka di rancangan dan syarikat luar (rakan muafakat).</p>	150,000
3.	<p><b>Pasaran Modal</b></p> <p>(a) Urus niaga jual beli saham di Bursa Malaysia dengan fokus kepada syarikat yang mempunyai <i>fundamental</i> perniagaan dan kewangan kukuh dalam sektor/industri berpotensi selari dengan pilihan pasaran.</p> <p>(b) Penglibatan secara aktif dalam pengambilan saham tawaran awam permulaan (IPO), tawaran persendirian (<i>private placement</i>) dan pembiayaan saham oleh syarikat penerbitan saham, bank/institusi kewangan dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).</p> <p>(c) Mengoptimumkan pengurusan tunai lebihan (<i>cash management</i>) melalui pelaburan jangka pendek dalam instrumen pasaran wang seperti deposit berjangka, kertas dagangan, saham amanah, bon/sukuk dan lain-lain instrumen.</p>	100,000

Bil.	Skop	Jumlah (RM'000)
4.	<p><b>Hartanah</b></p> <p>(a) Meneruskan inisiatif pelupusan aset hartanah yang kurang berdaya saing <i>low-yielding</i> dan tidak menjana pendapatan <i>non-generating</i>. Hasil tunai yang diperolehi disalurkan semula bagi membiayai aktiviti lain yang dapat mengoptimumkan pulangan pendapatan.</p> <p>(b) Memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kadar penghunian serta menambah nilai aset hartanah sedia ada yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi.</p> <p>(c) Meneroka pembangunan hartanah kediaman serta komersial secara usaha sama dengan syarikat pembangunan hartanah berpengalaman bagi meminimumkan risiko dan memanfaatkan kepakaran sedia ada.</p>	50,000
5.	<p><b>Perbankan Komersial/Pembiayaan</b></p> <p>(a) Memperkenalkan pelbagai produk pembiayaan inovatif yang dirangka khusus bagi memenuhi keperluan kewangan anggota individu serta koperasi anggota.</p> <p>(b) Menyediakan pembiayaan modal kerja dan modal pusingan jangka pendek bagi menyokong pelaksanaan projek-projek semasa serta inisiatif baharu syarikat kumpulan.</p> <p>(c) Menjalin kolaborasi dengan syarikat-syarikat penyedia barangan dan khidmat untuk ditawarkan kepada anggota melalui pakej pembiayaan.</p> <p>(d) Melaksanakan usaha sama dengan koperasi anggota bagi pelantikan sebagai ejen atau rakan muafakat di rancangan-rancangan FELDA.</p>	50,000
6.	<p><b>Perkhidmatan Ar-Rahnu</b></p> <p>(a) Memperkasa operasi cawangan sedia ada serta memperluaskan rangkaian melalui pembukaan cawangan baharu di bandar-bandar strategik dan terpilih.</p> <p>(b) Mengembangkan urus niaga emas melalui inisiatif lelongan dan jualan barangan terpakai (<i>pre-loved</i>) di karnival jualan/program bersama anggota dan penjualan dalam talian bagi mengoptimumkan keuntungan.</p> <p>(c) Menyediakan khidmat nilai tambah di cawangan merangkumi penyediaan terminal pembayaran secara <i>cashless</i> untuk urusan bayaran pembiayaan pembiayaan (<i>disbursement</i>) serta bayaran keuntungan (upah simpan), di samping berperanan sebagai ejen insurans dan khidmat kiriman wang.</p>	50,000
<b>Jumlah</b>		<b>550,000</b>

4. Sebahagian daripada cadangan pelaburan dan perniagaan dilaksanakan melalui pembiayaan dari bank/institusi kewangan. Cadangan had maksimum keterhutangan bagi sesi 2026/2027 adalah sebanyak RM500 juta seperti berikut:

Bil.	Had Keterhutangan	Jumlah (RM'000)
1.	Pembiayaan Berjangka	350,000
2.	Pembiayaan Modal Kerja	100,000
3.	Tabung Modal Pusingan	50,000
<b>Jumlah</b>		<b>500,000</b>

**SYOR**

5. Sehubungan dengan itu, Lembaga mencadangkan perkara-perkara berikut:

(a) Skop had pelaburan bagi sesi 2026/2027 berjumlah RM550 juta seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Skop Pelaburan</b>	<b>Jumlah (RM'000)</b>
1.	Pelaburan Korporat	150,000
2.	Perladangan	150,000
3.	Pasaran Modal	100,000
4.	Hartanah	50,000
5.	Perbankan Komersial/Pembiayaan	50,000
6.	Perkhidmatan Ar-Rahnu	50,000
<b>Jumlah</b>		<b>550,000</b>

(b) Had maksimum keterhutangan bagi sesi 2026/2027 berjumlah RM500 juta:

<b>Bil.</b>	<b>Had Keterhutangan</b>	<b>Jumlah (RM'000)</b>
1.	Pembiayaan Berjangka	350,000
2.	Pembiayaan Modal Kerja	100,000
3.	Tabung Modal Pusingan	50,000
<b>Jumlah</b>		<b>500,000</b>

(c) Mandat kepada Lembaga untuk membuat keputusan penggunaan peruntukan skop-skop lain dan mengubah jumlah struktur pelaburan dan struktur keterhutangan dengan syarat tidak melebihi had keseluruhan yang diperuntukkan.

6. Kertas ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan.

*Mesyyuarat*  
**AGUNG**  
PERWAKILAN TAHUNAN  
KE **45**